

# Tasawuf Islam

## Ditinjau Dari Segi Ilmu Pengetahuan

Kaum intelek Islam masing-masing memberi definisi-definisi yang berlainan tentang kalimah “tasawuf” itu:

1. Tasawuf Islam itu satu-satunya ilmu yang membicarakan rahsia-rahsia kejiwaan dan kemurnian hati kecil manusia
2. Tasawuf itu adalah satu ilmu yang mementingkan hati kecil serta melatih kerohanian ke arah yang jujur dan luhur, dan membuka jalan bagi perjuangan suci bagi jiwa yang luhur.
3. Tasawuf adalah ilmu tentang tatasusila, akhlak yang berunsur keagamaan yang sejati dan terpuji, dan mengandungi pengertian dan hikmah falsafah ibadah di dalam Islam.
4. Pujangga “Kitābī” berpendapat bahawa Tasawuf Islam ialah kesusilaan yang tinggi, tegasnya, siapa-siapa yang tinggi akhlak ia mencapai satu kemurnian dan ketoleransian yang konkrit di dalam hidupnya.
5. Muḥammad al-Jarīrī berkata: Tasawuf itu kemasukan di dalam akhlak yang baik dan pengeluaran dari akhlak yang jahat.
6. Sedangkan al-Junayd berpendapat pula: Tasawuf itu ialah satu aparasi yang membersihkan hati nurani manusia daripada gejala-gejala yang buruk dari unsur kemanusiaan dan memperbeza antara yang baik dan buruk, serta pembasmi anasir kemanusiaan yang durjana dan mempengaruhi jiwa ke arah kedamaian dan ketenangan.

Oleh: al-Ustadh Muhyiddin al-Alwa’i

### “Pertubuhan Tasawuf Islam”

Ahli-ahli kaji masyarakat Islam tak bersepakat tentang bilakah tumbuhnya tasawuf Islam?, Di manakah tempat lahirnya? Dan bilakah lahirnya ke alam Islam itu? Tetapi di dalam resolusi daripada mereka itu bahawa permulaan pertumbuhan benih tasawuf itu semenjak hidup Junjungan kita Nabi Muhammad (S.A.W) berpuncakan daripada al-Qur’ān dan al-sunnah, kehidupan Nabi Muhammad (S.A.W) sentiasa beribadah dan bertafakur seorang diri tentang kejadian langit dan bumi ini, serta beliau seorang yang berakhlak tinggi dan terpuji, justeru

itulah lahirnya tasawuf Islam dengannya membawa konsepnya yang realistik dan konkrit tentang adanya sistem dan peraturan tersendiri, sehingga sampai pertengahan kurun yang kedua Hijrah, selepas itulah ilmu tasawuf tersebar di tengah masyarakat Islam dengan membawa fungsinya yang radikal sebagai alat bagi mengerakkan perjalanan jiwa hati yang murni, membersihkan perjuangan hati kecil yang batin yang berstabil dengan pelaksanaan amal ibadah yang ikhlas terhadap Allah Ta’ālā serta bermunajat kepada-Nya dengan hati yang suci dan bersih tanpa ada sebarang keraguan dan

fantasi kepada benda-benda yang lain, fungsi itu lebih dinamik dan aktif lagi di masa akhir kerajaan al-Umawiyah, lantaran Islam dapat menguasai di sempadan Sepanyol dan tersiarnya di negeri India, yang mana pengasas yang ulung membawa obor membangunkan jiwa ilmu tasawuf itu ialah seorang zuhud yang masyhur bernama “Ḥassan Baṣṭī” yang meninggal pada tahun 110H. Kemudian lahir pula pengikutnya yang bernama “Abū Ṭālib al-Makkī” yang memainkan peranan yang penting di dalam aspek mengajar dan memperluas ajaran dan konsep tasawuf Islam kepada masyarakat Islam di masa hayat beliau di samping memberi

syarahan dan ceramah di negeri Basrah itu.

### **Sumber-sumber yang Asli Bagi Tasawuf Islam**

Kalau kita tinjau dengan kaca mata realistik serta objektif bahawa tasawuf Islam bertumbuh di sekitar masyarakat Islam adalah dari kehidupan Junjungan kita Muḥammad (S.A.W): ayat-ayat al-Qur’ān dan matan hadith serta tingkah laku sahabat beliau, kesemuanya ini adalah menjadi asas bagi pertumbuhan dan perkembangan ilmu tasawuf. Tetapi situasi ahli sosiologi Islam bersalah faham tentang sumber-sumber yang asli pertumbuhan ilmu tasawuf itu, pendapat mereka boleh dibahagi kepada 4 bahagian fakta yang besar:

#### **1. Berpunca dari Yunani Greeks:**

Memandang kepada aliran tasawuf dan akhlak ahli sufi Islam di masa terakhir ini, mereka itu menerima aspirasi (ilham) dan corak pemikiran dari sumber falsafah Yunani, lantaran sejarah ada mengatakan bahawa di masa kerajaan Islam ‘Abbāsiyyah dahulu, falsafah Yunani Greeks sangat luas pengaruhnya di dalam perkembangan pemikiran masyarakat Islam dan besarlah peranan yang dimainkan oleh falsafah itu di dalam aspek pembangunan ilmu pengetahuan Islam itu sebab terjemahan dan perpindahan kebudayaan Yunani di dalam masyarakat Islam serta menjadinya kebudayaan itu bercorak keislaman. Di masa inilah ahli tasawuf sangat dipengaruhi oleh bawaan dan konsep “falsafah *sharāmiyyah*” yang

berasaskan kepada tenaga dan latihan jiwa *nafsiyyah*, dan kesan dari peninggalan sekolah akademik Aflāṭūn serta ajarannya, kesemuanya ini dapat kita lihat di dalam aliran tasawuf Ibn al-‘Arabī dan al-Suhrawardī.

Dan golongan ini menegaskan bahawa pengenalan diri manusia adalah satu perkara yang penting di dalam ajaran tasawuf Islam, dengan berdasarkan kepada hadith: “Siapa-siapa yang mengenal dirinya sudah tentu ia mengenal Tuhannya”. Mereka itu membawa hajat yang konkrit bahawa kalimah hadith itu adalah terseakan-akan bentuknya dan maksudnya dengan pendapat ahli fikir Yunani (Suqrāt) yang berbunyi: “Hendaklah kamu kenalkan diri kamu dengan sebab diri kamu juga”. Di atas konsep hadith dan dasar falsafah inilah ahli tasawuf mendirikan asas pengajaran serta menganalisa jiwa kemanusiaan dan tanduknya dengan objektif dan sihat.

#### **2. Berpunca dari Hindi:**

Pendapat ahli sosiologi Islam ini mengatakan sumber tasawuf Islam daripada negeri Hindi berdasarkan kepada persamaan di antara pemikiran tasawuf Islam di dalam kalimah “*wahdah al-wujūd*” dengan kalimah falsafah Hindi Kalamatir yang berbunyi: “Brahman” yang bererti satu benda yang tinggi sekali darjatnya, malahan ia berada di tiap-tiap benda di alam ini, sedangkan di dalam bahasa al-Sankariyat “atma” yang bererti jiwa (roh) yang maha besar, dengan falsafah-falsafah itulah menelurkan adanya hakikat yang lain di dalam tiap-tiap satu benda, mengikut

tokoh sufi India yang bernama “Abū Rayḥān al-Bīrūnī” ada menegaskan di dalam bukunya “*al-Jalīlī*”, “*Tahqīq ma li al-Hind*” seperti cogan kata “Basudewa” di dalam bukunya “*Bahgata*” yang berbunyi: “Bahawa hakikat itu yang berada di semua benda-benda di alam ini, sedangkan tuhan “Vishnu” menjadikan dirinya sendiri, menjadikan bumi untuk manusia dan binatang, air untuk makan dan minum, api dan angin bagi sumber kehidupan di alam ini dan ...” (Ini mengikut kepercayaan mereka).

Mereka ini ada membawa bukti yang lain mengatakan bahawa tasawuf Islam menerima dan mempunyai pengaruh yang besar dan luas dari sumber aliran falsafah Hindi, seperti ada perhubungan persamaan di antara tahlil dan tasbih ketua agama Buddha dengan tahlil dan adat tasbih yang diamal oleh ahli sufi Islam.

#### **3. Berasal dari Kristian:**

Pendapat golongan ini menegaskan bahawa aliran ahli tasawuf Islam dan akhlaknya di dalam masyarakat Islam berpunca dari agama Naṣārī, berbuktikan kepada di masa jahiliah dahulu berlakunya percampuran antara orang Arab dengan orang Naṣārī, serta ada masyarakat Arab beragama Naṣārī, seperti di negeri Syam dan lain-lain lagi, bukti yang lebih konkrit lagi bahawa di sana ada persamaan cara hidup dan berfikir antara ketua agama Naṣārī dengan cara hidup ahli sufi Islam, sehingga tentang pemakaian baju jubah labuh, dari aspek yang lain ada berserupaan antara pandangan *al-Masīh* tentang

kehidupan di dunia dengan pandangan hidup di dalam jiwa ahli sufi Islam.

#### 4. Berasal dari orang-orang Parsi:

Ahli sosiologi berpihak kepada pendapat ini menjelaskan bahawa tasawuf Islam adalah berasal dari sumber kebudayaan dan penghidupan orang Parsi. Lantaran ahli Sufi Islam mengambil bahan pemikiran dan asasnya dari falsafah Parsi iaitu dari "Zaradasth" beliau adalah pengasas bagi kelahiran agama al-Zaradashtiyah yang mengkaji tentang peribadi kemanusiaan serta pembahagiannya, menurut konsep agama ini jiwa manusia terbahagi kepada: Ilham (aspirasi), akal fikiran, hati kecil (*al-damir*), perasaan halus, dan perasaan kasar. Sedangkan falsafah akhlak al-Zaradashtiyūn itu adalah persamaan antara mazhab agama dengan mazhab tasawuf di dalam Islam, pendapat ini ada mengatakan lagi bahawa tasawuf Islam berpunca dari orang Parsi dari aspek perhubungan, kebudayaan, kemasyarakatan, dan ekonomi, lantaran ada perhubungan yang erat antara orang Arab dengan masyarakat Parsi Semenjak dahulukala lagi, tegasnya, majoriti daripada tokoh dan pejuang tasawuf Islam adalah berasal dari orang Parsi yang dididik di negeri Parsi, dengan usaha mereka inilah berkembang ajaran tasawuf Islam ke alam Islam seluruhnya.

#### Pendirian ahli Tasawuf Islam

Tetapi pendirian ahli-ahli tasawuf

Islam enggan mengatakan bahawa tasawuf itu berpunca dari bangsa lain, malahan ia berasal dari sumber-sumber Islam. Dengan lain perkataan tasawuf Islam lahirnya dari al-Qur'ān dan al-ḥadīth, di dalam hubungan ini kita dapati bahawa keseluruhan tokoh pengarang Islam dan ahli tasawuf mementingkan ayat suci al-Qur'ān di dalam aspek mengarang, menganalisa dan membahas di dalam segenap lapangan, ini semuanya ada di sana perhubungan yang erat antara aliran tasawuf Islam dengan al-Qur'ān dan al-ḥadīth.

Ahli tasawuf Islam menentang dengan sekeras-kerasnya segala pendapat yang mengatakan bahawa tasawuf Islam berasal dari Parsi, Kristian dan Yunani, lantaran tak ada di sana dalil dan hujah yang konkrit baik dalil *aqlī* dan dalil *naqlī*. Dan tentang pendapat-pendapat mengatakan bahawa ada persamaan cara pemikiran, adat pemakaian dan tingkah laku ahli tasawuf Islam dengan ketua agama Naṣarī dan ahli filsuf bangsa lain, lantaran situasi cara pemikiran itu tak hairan bagi mereka disebabkan oleh pengaruh gelombang kemasyarakatan dan alam sekitar mempengaruhi kedua-dua aliran antara tasawuf Islam dengan ketua-ketua agama tersebut, tetapi antara ahli tasawuf dengan ahli falsafah dan ketua agama tak memberi kesan dan mempengaruhi antara satu sama lain. Dengan itu itu jelaslah bahawasanya perkembangan dan persebaran ilmu tasawuf Islam adalah berasal dari sumber al-Qur'ān dan al-ḥadīth dan tingkah laku dan akhlak Junjungan kita Nabi Muhammad (S.A.W). Dari sumber-sumber

inilah ilmu tasawuf berkembang dengan giat dan berleluasan di tengah masyarakat Islam serta mempengaruhi jiwa umat Islam hari ini.

Diterjemah dari majalah "Minbar al-Islām"

Oleh: Muhammad Yusuf



Buku yang mengandungi 155 muka, kertas lichin susunan saudara A.H. Edrus ini meliputi penuh segala rupa urusan yang berhubung dengan surat menyurat dalam semua bahagian hidup (kechuali surat chinta).

Harga sebuah \$2.00 dan tambah belanja pos register sebanyak 40 sen

Alamat penerbit-nya ia-lah:  
QALAM  
54, Lorong 'G' Telok Kurau,  
Singapura, 15.